



28 Mac 2013

28 March 2013

P.U. (A) 111

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

### PERINTAH PERUBATAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2013

### *MEDICAL (AMENDMENT OF SECOND SCHEDULE) ORDER 2013*



DISIARKAN OLEH/

*PUBLISHED BY*

JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERUBATAN 1971

PERINTAH PERUBATAN (PINDAAN JADUAL KEDUA) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(2) Akta Perubatan 1971 [Akta 50], Menteri, setelah berunding dengan Majlis, membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perubatan (Pindaan Jadual Kedua) 2013.**

**Pindaan Jadual Kedua**

2. Akta Perubatan 1971 dipinda dalam Jadual Kedua berhubung dengan negara "Ukraine" dan butiran "Crimea State Medical University" dalam ruang kedua, dengan menggantikan butiran "Doctor of Medicine in General Medicine (Diiktiraf pada 7 Ogos 2001 dan dikecualikan daripada pengiktirafan selepas 31 Disember 2011)" dalam ruang ketiga dengan butiran "Doctor of Medicine in General Medicine (Diiktiraf pada 7 Ogos 2001 dan tidak lagi diiktiraf selepas 29 Mac 2013)".

**Kecualian dan peralihan**

3. Sebelum tarikh Perintah ini mula berkuat kuasa, mana-mana orang yang mempunyai kelulusan daripada Crimea State Medical University, Ukraine yang—

- (a) masih belum membuat apa-apa permohonan untuk didaftarkan sementara di bawah perenggan 12(1)(a) Akta, layak membuat permohonan untuk didaftarkan sementara di bawah perenggan itu; atau
- (b) telah membuat permohonan untuk didaftarkan sementara di bawah perenggan 12(1)(a) Akta dan masih belum selesai, permohonan itu masih boleh terus diuruskan oleh Majlis,

seolah-olah kelulusan yang diberikan oleh institusi itu masih diiktiraf.